

21/11/1997

Kerjasama IT perkukuh hubungan

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berharap untuk bekerjasama rapat dengan Kanada dalam bidang teknologi maklumat (IT) di samping memperkukuhkan hubungan sedia terjalin dalam pembangunan infrastruktur, kerjasama pendidikan dan pengurusan alam sekitar.

Perdana Menteri berkata kedua-dua negara sudah mula menggembungkan usaha bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan seperti pembinaan Transit Rel Ringan (LRT) di sini dan `sky-bridge' yang menghubungkan menara tertinggi di dunia - Menara Kembar Petronas.

"Daripada hubungan penderma-penerima, hubungan dua hala kita telah mencapai kematangan untuk menjadi satu daripada antara yang `sama rata'," katanya dalam perutusan program sempena Dialog Pemimpin Perniagaan Kanada-Malaysia ke-2 - "Malaysia and Canada: A Viable Partnership" di Ottawa, Kanada, esok.

Pada dialog itu, Dr Mahathir akan diwakili Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak yang dijadual menyampaikan ucap utama Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata, banyak yang boleh ditawarkan oleh syarikat Kanada kepada masyarakat perniagaan Malaysia memandangkan ia mempunyai kepakaran dan teknologi dalam kebanyakan bidang.

Sambil mempelawa syarikat Kanada melabur di Malaysia, beliau berkata, kerajaan juga menggalakkan syarikat tempatan meneroka ke negara luar dan melabur di negara perdagangan seperti Kanada.

"Walaupun Malaysia negara yang baru meneroka bidang teknologi tinggi, kami bersedia mempelajari pengalaman daripada negara yang sudah maju dalam bidang berkenaan," katanya.

Menurut Perdana Menteri, ketika Malaysia menuju abad ke-21, ia perlu meningkatkan daya saingnya di peringkat antarabangsa dengan memusatkan perhatian kepada kemampuan teknologi tinggi, meningkatkan kecekapan dan terus melaksanakan pembaikan.

"Kami mengiktiraf kepakaran dan teknologi Kanada dalam kebanyakan industri dan kami menyambut baik pelaburan Kanada di Malaysia," katanya. - Bernama

(END)